

07 DEC 1999

Osu-Kabinet

OSU SAMPAIKAN HASRAT SABAH MAHU LEBIH RAMAI PERWAKILAN

KOTA KINABALU, 7 Dis (Bernama) -- Ketua Menteri Datuk Osu Sukam hari ini berkata beliau telah menyampaikan hasrat pelbagai pihak di Sabah yang mahukan perwakilan yang lebih ramai dalam Kabinet Persekutuan.

"Semua pihak mengharapkan lebih perwakilan daripada yang ada sebelum ini," katanya kepada pemberita ketika ditemui di ruang legar Bangunan Dewan Undangan Negeri Sabah, dekat sini.

Osu yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) Negeri bagaimanapun berkata beliau menyerahkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk membuat keputusan muktamad berhubung perkara itu.

BN negeri akur kepada apa juga keputusan yang diambil kerana Perdana Menteri terpaksa mengambil kira kepentingan seluruh negara, bukan setakat kepentingan negeri ini sahaja, kata beliau.

"Saya telah mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri di Putrajaya semalam dan telah menyampaikan pandangan mengenai perkara itu," katanya.

Ketika ditanya sama ada Sabah mungkin diperuntukkan lebih dua jawatan menteri penuh, beliau berkata: "Kita tunggu sahajalah..."

Secara tradisinya, Sabah diwakili dua anggota kabinet.

Dalam kabinet yang lepas, Sabah diwakili Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi Tan Sri Kasitah Gaddam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Pandikar Amin Mulia, kedua-duanya senator.

Sabah juga mempunyai dua timbalan menteri -- Datuk Shafie Apdal (Perumahan dan Kerajaan Tempatan) dan Datuk Railey Jeffrey (Kerja Raya), yang telah memenangi kerusi masing-masing di Semporna dan Silam pada pilihan raya umum minggu lepas.

Pada pilihan raya itu, BN menang 17 daripada 20 kerusi parlimen di Sabah.

-- BERNAMA

NT NMO